

Kempen keselamatan tidak capai sasaran

Pakar UPM cadang lesen berperingkat dan ABS mandatori tangani kemalangan motosikal

Oleh NOOR AINON MOHAMED

SHAH ALAM - Pendekatan mendidik penunggang motosikal didapati gagal mengubah sikap pengguna jalan raya tersebut kerana mesej kempen yang disampaikan terlalu umum dan tidak menyentuh golongan sasaran secara khusus.

Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Madya Dr Law Teik Hua berkata, mesej kempen sepatutnya disampaikan secara lebih spesifik, terutama kepada penunggang muda dan golongan penghantar barang serta makanan.

Jelas beliau, kebanyakan kempen keselamatan jalan raya ketika ini ber-

sifat reaktif dan hanya dilaksanakan selepas musim perayaan atau apabila statistik kemalangan meningkat.

"Kempen sering menumpukan kepada simptom seperti tidak memakai topi keledar, tetapi jarang menyentuh punca budaya dan norma berbahaya seperti menunggang secara agresif, menyelit atau mengutamakan kepantasan berbanding keselamatan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas peningkatan kes kemalangan jalan raya melibatkan penunggang motosikal berkuasa kecil, khususnya di lebuh raya negara ini.

Sehubungan itu, Teik Hua mencadangkan supaya sistem pelesenan motosikal diperkukuh dengan penekanan terhadap latihan kemahiran mengesan bahaya, memperkenalkan piawaian keselamatan mandatori se-



TEIK HUA

perti Sistem Brek Anti-Kunci (ABS), serta pelaksanaan pemeriksaan keselamatan berkala.

"Penguatkuasaan juga dicadangkan agar bersifat berterusan dan bersasar, dengan tumpuan terhadap kesalahan berisiko tinggi seperti menunggang tanpa topi keledar,

mengekor terlalu rapat, dan melanggar lampu isyarat," tambahnya.

Beliau turut mencadangkan agar model dari negara seperti Jepun, Taiwan dan beberapa negara Eropah dijadikan contoh untuk diadaptasi di Malaysia, tanpa membebankan golongan berpendapatan rendah.

Antaranya termasuklah pelaksanaan sistem lesen berperingkat yang menyediakan lesen sementara dengan sekatan seperti had kuasa enjin dan larangan membonceng.

"Langkah ini membantu penunggang baharu membina pengalaman dalam persekitaran risiko terkawal.

"Selain itu, insentif kewangan juga boleh diberikan kepada penunggang yang mengikuti kursus keselamatan lanjutan," ujar beliau.

Menurutnya, keselamatan jalan raya tidak seharusnya dilihat sekadar pematuhan peraturan, sebaliknya perlu dibudayakan dalam komuniti penunggang itu sendiri.

